



SKIM PENGEKSPORT UTAMA DILULUSKAN
Approved Major Exporter Scheme (AMES)
DI BAWAH SEKSYEN 61A AKTA CUKAI JUALAN 2018
under section 61A of the Sales Tax Act 2018


1. Pengenalan

Skim Pengeksport Utama Diluluskan (AMES) yang dibentangkan dalam Belanjawan Negara 2020 dikhususkan untuk pedagang barang bercukai dan pengilang barang siap tidak bercukai yang berorientasikan eksport di Malaysia.

Skim Pengeksport Utama Diluluskan ini mula berkuatkuasa pada **1 Julai 2020**.

2. Konsep

Orang yang diluluskan di bawah AMES adalah dikecualikan daripada pembayaran keseluruhan cukai jualan yang boleh dikenakan dan dilevikan ke atas barang bercukai yang diimport, diangkut dari Kawasan Ditetapkan atau Kawasan Khas atau dibeli atau diperolehi daripada pengilang berdaftar tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.



Gambarajah 1: Illustrasi Umum AMES

3. Syarat-syarat Kelayakan Permohonan

✓ **Pedagang:**

- (i). telah beroperasi di Malaysia sekurang-kurangnya **1 tahun**;
- (ii). nilai jualan tahunan barang bercukai **melebihi RM10 juta** pada masa permohonan dibuat; dan
- (iii). sekurang-kurangnya **80 peratus** daripada nilai jualan tahunan barang bercukai itu adalah jualan yang dieksport atau diangkut ke Kawasan Ditetapkan atau Kawasan Khas.

✓ **Pengilang:**

- (i). telah beroperasi di Malaysia sekurang-kurangnya **1 tahun**;
- (ii). nilai jualan tahunan barang siap tidak bercukai yang dikilangkan **melebihi RM10 juta** pada masa permohonan dibuat; dan

- (iii). sekurang-kurangnya **80 peratus** daripada nilai jualan tahunan barang siap tidak bercukai yang dikilangkan itu adalah jualan yang dieksport atau diangkut ke Kawasan Ditetapkan atau Kawasan Khas.

✓ **Pedagang dan pengilang*:**

- (i) memenuhi syarat-syarat kelayakan permohonan yang ditetapkan bagi pedagang **atau** pengilang.

* 2 permohonan yang berasingan perlu dibuat.


4. Tempoh Kelulusan

2 tahun atau apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

5. Syarat-syarat Pengecualian Daripada Pembayaran Cukai Jualan

✓ Jika orang diluluskan itu adalah seorang **pedagang**:

- (i) Barang bercukai itu diimport atau diangkut dari Kawasan Ditetapkan atau Kawasan Khas atau dibeli atau diperolehi dari pengilang berdaftar secara terus oleh pedagang itu;
- (ii) Barang bercukai itu hendaklah tidak digunakan atau dilakukan apa-apa proses nilai tambah;
- (iii) Barang bercukai itu seterusnya dieksport atau diangkut ke Kawasan Ditetapkan atau Kawasan Khas oleh pedagang itu; dan
- (iv) Barang bercukai itu hendaklah tidak dilupuskan selain daripada cara pemusnahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, tidak dijual dalam negara atau tidak diakaunkan melainkan cukai jualan yang dikecualikan ke atas barang bercukai itu hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah.



Gambarajah 2: Ilustrasi AMES bagi pedagang barang bercukai

✓ Jika orang diluluskan itu adalah seorang **pengilang**:


- (i) Bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan itu hendaklah diimport atau diangkut dari Kawasan Ditetapkan atau Kawasan Khas atau dibeli atau diperolehi dari pengilang berdaftar secara terus oleh pengilang itu;
- (ii) Bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan itu hendaklah digunakan oleh pengilang itu secara langsung dan semata-mata dalam pengilangan barang siap tidak bercukai;
- (iii) Barang siap tidak bercukai yang dikilangkan itu hendaklah dieksport atau diangkut ke Kawasan Ditetapkan atau Kawasan Khas oleh pengilang itu;
- (iv) Bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan hendaklah tidak dilupuskan selain daripada cara pemusnahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, tidak digunakan selain daripada tujuan pengilangan barang siap tidak bercukai, tidak dijual dalam negara atau tidak diakaunkan melainkan cukai jualan yang

dikecualikan ke atas barang itu hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah; dan

- (v) Barang siap tidak bercukai yang dikilangkan itu hendaklah tidak dilupuskan selain daripada cara pemusnahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, tidak dijual dalam negara atau tidak diakaunkan melainkan cukai jualan yang dikecualikan ke atas bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang digunakan dalam pengilangan barang siap tidak bercukai itu hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah.

Pengimportan atau pembelian:

Bahan mentah, komponen, bahan bungkusan & pembungkusan oleh Pengilang Barang Siap Tidak Bercukai



Gambarajah 3: Ilustrasi AMES bagi pengilang barang tidak bercukai

- ✓ Jika orang diluluskan itu adalah seorang **pedagang dan juga pengilang**:
 - (i) Dia hendaklah mematuhi syarat-syarat kelulusan AMES yang ditetapkan bagi pedagang; **dan**
 - (ii) Dia hendaklah mematuhi syarat-syarat kelulusan AMES yang ditetapkan bagi pengilang.

6. Syarat-syarat Kelulusan

Pedagang dan pengilang yang diluluskan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Apa-apa pengimportan, pengangkutan dan pengeksportan barang hendaklah diisytiharkan oleh orang diluluskan itu dalam borang yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 atau apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (ii) Menyimpan rekod atau akaun yang lengkap dan benar berhubung dengan barang yang diimport, diangkut, dibeli, dieksport dan dijual di bawah AMES;
- (iii) Sistem perakaunan dan kawalan dalamannya berupaya memenuhi standard pengakaunan dan pengauditan;
- (iv) Memberitahu melalui notis secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh empat belas hari selepas berlaku apa-apa perubahan pada butir-butir perniagaan orang diluluskan itu;
- (v) Menyediakan penyata yang berhubung dengan AMES mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan mengemukakan penyata itu untuk pemeriksaan sekiranya dikehendaki oleh pegawai kanan cukai jualan pada bila-bila masa; dan
- (vi) Apa-apa syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Ketua Pengarah.

7. Perbandingan di antara AMES, Kemudahan Pulang Balik Cukai Jualan Dan Pengecualian Butiran 4, Jadual B

BIL.	PERKARA	AMES	KEMUDAHAN PULANG BALIK CUKAI JUALAN	PENGECUALIAN BUTIRAN 4, JADUAL B
1.	Bayar cukai jualan semasa pengimportan / pembelian	Dikecualikan daripada cukai jualan	Kena bayar cukai jualan <i>upfront</i>	Dikecualikan daripada cukai jualan
2.	Orang yang layak	1. Pedagang barang bercukai; dan 2. Pengilang barang siap tidak bercukai	Pedagang	Pengilang barang siap tidak bercukai bagi tujuan eksport
3.	Tempoh beroperasi di Malaysia	≥ 1 tahun	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
4.	Nilai jualan tahunan	> RM10 juta	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
5.	Belian daripada	Import / Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan / Pengilang Berdaftar	Import / Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan / Pengilang Berdaftar	Import / Pengilang Berdaftar
6.	Eksport ke	Eksport / Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan	Eksport / Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan	Eksport
7.	Peratus eksport	80%	Tidak ditetapkan	Tidak ditetapkan
8.	Tempoh kena eksport	1. Pedagang dikehendaki eksport barang bercukai dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pengimportan/pembelian 2. Pengilang dikehendaki eksport barang siap tidak bercukai dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pengimportan/pembelian	3 bulan	12 bulan

BIL.	PERKARA	AMES	KEMUDAHAN PULANG BALIK CUKAI JUALAN	PENGECUALIAN BUTIRAN 4, JADUAL B
9.	Jual tempatan	Dibenarkan pada kadar 20% dengan syarat cukai jualan dibayar atas nilai urusniaga (harga belian) barang / input pengilangan.	Tidak layak pulang balik cukai jualan.	Perlu bayar cukai jualan atas nilai urusniaga (harga belian) input pengilangan.
10.	Barang yang layak	<p><u>Pedagang:</u> Barang dagangan</p> <p><u>Pengilang:</u> Bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan</p> <p><u>Kecuali:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Wain, spirit, bir dan minuman keras malta; ▪ Rokok, tembakau dan hasil tembakau; & ▪ Petroleum. 	Barang yang telah dibayar cukai yang telah dieksport dalam tempoh yang ditetapkan	Bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang digunakan untuk mengilang barang siap tidak bercukai bagi tujuan eksport.
11.	Penentuan <i>upfront</i> kuantiti belian	Tidak perlu tentukan <i>upfront</i> kuantiti belian barang samada hendak dieksport atau jual tempatan.	Tidak berkaitan	Perlu tentukan <i>upfront</i> kuantiti input pengilangan yang hendak diimport/ dibeli untuk mengilang barang siap tidak bercukai bagi tujuan eksport.
12.	Bawa masuk semula barang yang telah dieksport ke Kawasan Utama Kastam	Dibenarkan. Tidak kena bayar cukai jualan.	Langgar syarat permohonan. Kena bayar balik cukai jualan.	Tidak berkaitan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan AMES sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 3 - 7, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

Email: ames@customs.gov.my